

From: UUM - IMBRe
Sent: 26 Julai 2016 12:24
To: UUM - All Staff
Cc: Mohd Fozi B Saleh
Subject: SKIM GERAN PENULISAN KES (CWGS) 2016
Attachments: SPEJABAT TN16072412370.pdf

SKIM GERAN PENULISAN KES (CWGS) 2016

RM 20,000.00



26 Julai 2016 / 21 Syawal 1437H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Prof./Prof.Madya/Dr./Tuan/Puan,

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan geran bagi menjalankan program penulisan kes di bawah Skim Geran Penulisan Kes (CWGS) 2016 telah dibuka secara atas talian kepada kumpulan penyelidik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bermula pada 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2016.

Permohonan Skim CWGS 2016 yang dikemukakan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENULISAN KES (CWGS)

1. Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPT dengan syarat-syarat berikut:
 - Warganegara Malaysia; dan
 - Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
 - Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli bersama bertaraf tetap.
 - Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
 - Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Program bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan. Bagi Ketua Program sedia ada, permohonan baru akan dipertimbangkan sekiranya pelaksanaan projek terdahulu telah mencapai 70% setelah disah dan diperakukan oleh pihak IPT.
2. Ketua Penyelidik boleh memasukkan ahli bersama daripada IPT bertaraf Universiti
3. Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu (RM 20,000.00) dan kelulusan jumlah peruntukan geran adalah bergantung kepada kajian kes yang akan dijalankan serta tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Teknikal.
4. Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan sekurang-kurangnya satu rakan perkongsian daripada industri.
5. Setiap projek yang lengkap harus disertakan dengan Borang Kebenaran Penerbitan Kes Projek CWGS (Versi 1.0 Jan 2016) dari pihak industri yang telah diisi dan disahkan.
6. Tempoh program mestilah tidak melebihi 6 bulan. Tempoh minimum ialah 4 bulan.
7. Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan program.
8. Ketua Penyelidik yang berpindah IPT hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Program. Ketua Penyelidik perlu dilantik di kalangan staf tetap IPT. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan program berkenaan.
9. Bilangan minima ahli projek adalah seramai dua (2) orang termasuk Ketua Penyelidik iaitu sekurang-kurangnya dua (2) ahli akademik dan satu (1) dari ahli kalangan industri (digalakkan).
10. Pemohon iaitu Ketua Projek yang layak memohon adalah mereka yang telah hadir ke Bengkel CWGS Fasa 1 atau mana-mana kursus/bengkel yang diperakui setara oleh Jawatankuasa Teknikal CWGS.

PERATURAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENULISAN KES (CWGS)

1. Permohonan untuk Skim Geran CWGS perlu diisi secara atas talian di laman sesawang <http://cwgs.utm.my>. Anda perlu mendaftar terlebih dahulu untuk mendapatkan Kata Nama dan Kata Laluan untuk mencapai sistem.
2. Semua maklumat yang dikemukakan mestilah benar dan tepat. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.
3. Permohonan untuk Skim Geran CWGS dibuka kepada projek CWGS yang menepati bidang tumpuan utama yang boleh dirujuk di dalam garis panduan dan syarat di laman sesawang yang dinyatakan.
4. Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor/Pengarah RMC/Sekretariat Penyelidikan IPT masing-masing yang bertanggungjawab di IPT masing-masing.
5. Keputusan permohonan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi adalah muktamad.
6. Kajian kes yang dipohon dan dikemukakan adalah tidak pernah diterbitkan dan dibiayai oleh mana-mana agensi/institusi.

Sekian, terima kasih.

Institute for Management and Business Research (IMBRe)
Level 2, TISSA Building
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah
Malaysia.
Tel: +604 – 928 7608/7609 | Fax: +604 – 928 7611
IMBRe's Website: <http://www.imbre.uum.edu.my>

